

40 Hari Puasa Dan Doa NECF 2013 – Kerajaan-Mu Datanglah

TERIMA kasih kerana mengambil bahagian dalam 40 hari puasa dan doa NECF tahun ini. Dalam musim ini, semasa kita masuk untuk mencari Tuhan dengan tema “Datanglah KerajaanMu”, kita rindu untuk meletakkan satu arah untuk pendoa-pendoa syafaat kita agar semua kita dapat berdoa dengan suatu pemahaman dan kearifan.

Kita telah menyediakan satu kit pelancaran yang mengandungi satu video untuk menjelaskan tema buku doa tahun ini iaitu “Datanglah KerajaanMu”, dan juga perkara-perkara doa tambahan yang lain yang boleh digunakan oleh gereja anda semasa melancarkan 40 hari puasa dan doa ini.

Doa-doa tambahan ini menggambarkan kebimbangan NECF tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku hari ini di dalam negara kita, iaitu dalam satu masa yang penuh dengan ketidaktentuan sejak pilihan raya umum. Kerajaan kita telah mengatakan kerinduannya untuk menjadi sebuah kerajaan untuk semua orang, tetapi, sama ada mereka dapat melaksanakan ini atau tidak, hanya masa sahaja yang dapat memberitahu kita. Sebagai orang Kristen yang mengasihi negara ini, kita mengingat hal ini semasa kita berdoa.

Sebahagian daripada ketidaktentuan yang disebut tadi adalah disebabkan oleh beberapa tuntutan yang akan didengar dalam masa-masa ini yang berkaitan dengan tuduhan kepalsuan dan manipulasi pengundian. Di tengah-tengah situasi ini, hal-hal kemungkinan undang-undang yang tidak adil diperkenalkan memang berlaku, seperti cadangan undang-undang yang serupa dengan Ordinan Darurat yang telah dimansuhkan.

Di tengah-tengah semua ketidaktentuan ini, pintu senantiasa terbuka untuk pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai agenda yang mementingkan diri sendiri untuk menganiaya kaum, agama dan undang-undang untuk keuntungan diri. Perkara ini tidak memeranjatkan jika Gereja, yang sedang hidup dalam kesaksian, terperangkap di dalam masalah ini.

Oleh itu, semasa kita berdoa berdasarkan “Datanglah KerajaanMu”, marilah kita sentiasa ingat tentang tiga perkara di dalam minda kita. Perkara-perkara doa tambahan itu menggambarkan tiga aspek ini:

- Mengukuhkan gereja
- Memelihara kebebasan beragama
- Melibatkan diri dalam pembinaan negara

Cadangan Pelaksanaan Program Doa

1. Selamat Datang
2. Puji dan Sembah
3. Pemberian untuk NECF
4. Pelancaran Video
5. Firman Tuhan
6. Doa Syafaat
7. Doa Berkat

Bahan Doa

1. Mengukuhkan Gereja

- Perlu membantu gereja yang lemah, termasuk gereja-gereja luar bandar/ bumiputera dalam hal-hal pemuridan, kepemimpinan yang dinamik yang holistik dan berkesan serta menjadi saksi sosial yang mantap, sebagai sebahagian daripada misi gereja.
- Pembangunan kepemimpinan yang berkesan terutamanya kepada pemimpin-pemimpin yang muda yang baru muncul, mengenal pasti satu kumpulan bakat-bakat dan membekalkan peluang untuk pendedahan dan pembelajaran yang efektif.

2. Kebebasan Beragama

- Memelihara kebebasan ini adalah sangat penting untuk membolehkan penginjilan kepada semua orang, pertumbuhan gereja dan penanaman gereja.
- Orang Kristen perlu bekerja dan berdoa untuk iman yang kuat dan pemuridan yang setia, yang memahami ugutan ke atas kebebasan beragama dan mengendalikan ugutan ini dengan berdialog, memberi pandangan dan mempengaruhi hal-hal berkaitan dengan polisi.

3. Pembinaan Negara

- Gereja perlu mengambil berat dan menjadi sebahagian daripada inisiatif-inisiatif untuk menangani isu-isu yang membawa keburukan kepada masyarakat Malaysia.
- Isu-isu seperti rasuah, pendamaian kebangsaan perlu ditangani dengan segera
- Orang Kristen perlu bekerja dan berdoa bahawa gereja akan berani dan tabah dengan hikmat untuk menyumbangkan sumber-sumber mereka supaya gereja dilihat sebagai memberi impak dan menangani isu-isu kebangsaan yang sedang memberi kesan kepada masyarakat.